

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# DR M DI PORT MORESBY

PORT MORESBY, Selasa — Papua New Guinea memberikan sambutan permaidani merah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang tiba di sini, hari ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Jacksons oleh Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Michael Somare dan Puan Somare.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Papua New Guinea, Encik Kamaruddin Abu dan isterinya.

Kapal terbang yang membawa Datuk Seri Dr. Mahathir dan rombo-

ngannya seramal tujuh orang mendarat jam 2.00 petang waktu tempatan (12.00 tengah hari waktu Malaysia) setelah penerbangan lima jam dari ibu negara Fiji, Suva, di mana beliau menghadiri mesyuarat para Ketua Kerajaan Komanwel rantau Asia dan Pasifik (CHOGRM) yang tamat semalam.

"Negaraku" di mainkan diikuti dengan lagu kebangsaan Papua New Guinea.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah kemudian diperkenalkan kepada orang-orang kenamaan negeri.

Lawatan Perdana Menteri ke sini adalah sejajar dengan dasar luar Malaysia yang menitikberatkan pemesatan kerjasama

dengan negara-negara membangun dan kecil.

Malaysia pernah menghulurkan bantuan termasuk kemudahan latihan kepada Papua New Guinea di bawah rancangan bantuan tekniknya.

Seorang pegawai rombongan Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, perbincangan antara Perdana Menteri dengan rakan sejawatnya dari Papua New Guinea dijangka tertumpu kepada kemungkinan Malaysia menyediakan pengetahuan teknologi mengenai getah dan minyak sawit kepada Papua New Guinea.

Ini merupakan lawatan pertama oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ke sini.